

Kerajaan akan bantu bumiputera sehingga mampu berdikari — PM

ALUR SETAR 22 Okt.— Kerajaan akan terus memberi bantuan dan keistimewaan kepada kaum bumiputera sehingga mereka mampu berdikari seperti kaum lain di negara ini, kata Perdana Menteri (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) hari ini.

Menurutnya, matlamat kerajaan adalah untuk memberikan kebahagiaan kepada semua rakyat Malaysia berbilang kaum tetapi kaum bumiputera yang masih ketinggalan tidak akan dilupakan.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri mengingatkan keupayaan kerajaan memberikan keistimewaan kepada bumiputera adalah kerana kekuatan Parti UMNO yang menjadi tulang belakang kerajaan.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bumiputera supaya mengubah sikap ke arah mengejar kemajuan kerana tanpa sikap sedemikian mereka tidak berjaya.

U.M. 23 OCT 1992

Berucap merasmikan Konvensyen UMNO Kedah di sini petang ini, Perdana Menteri berkata, peruntukan kerajaan kepada bumiputera bukanlah soal penting.

"Apa yang penting ialah sikap mahu berjaya kerana tanpa sikap sedemikian berapa banyak pun peruntukan yang diberi tidak akan mendatangkan hasil," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, UMNO sebagai tunggak dan teladan kepada rakyat mesti memahami wawasan ini kerana mereka mempunyai peranan besar dalam memastikan kejayaan bangsa Melayu dan bumiputera.

"Sebab itulah juga UMNO mengembangkan sayap ke Sabah sebagai strategi menguatkan UMNO dan menyelamatkan rakan-rakan bumiputera di Sabah," kata beliau.

Justeru itu beliau mahu UMNO berpandangan luas dan tidak memberikan tumpuan kepada perkara yang sempit sahaja.